



PERKESO

PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL

KENYATAAN TENDER

Tawaran tender adalah dipelawa daripada petender-petender yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dalam kelayakan berkaitan bagi perkara berikut:-

BIL	TAJUK TENDER	RUJUKAN TENDER	KELAYAKAN	TARIKH TAKLIMAT TENDER	HARGA DOKUMEN
1	Tender Bagi Cadangan Membina Gimnasium Di Aras 2 Dan Ubahsuai Pejabat Di Aras 7, Wisma PERKESO Kuching, Sarawak	T/PKS 8/2026(M)	i. Berdaftar Dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) Di Bawah Gred G4, Kategori B, Pengkhususan B04 dan (B07 atau B28); dan ii. Sijil Perolehan Kerja Kerajaan.	22 Jun 2026 (Isnin) 10.00 pagi Dewan Sri Kenyalang, Tingkat 9, Wisma PERKESO Kuching, Sarawak (Kehadiran Taklimat Tender Adalah DIWAJIBKAN)	RM200.00 Tarikh beli Dokumen Tender pada 22/06/2026 hingga 6/7/2026 Tarikh tutup tender pada 14/7/2026

Dokumen Meja Tender dipamerkan di Bahagian Perolehan, Tingkat 11, Menara PERKESO, 281 Jalan Ampang, 50538 Kuala Lumpur. Dokumen Tender boleh dibeli mulai pada tarikh yang dinyatakan di atas pada waktu pejabat dengan menggunakan Wang Pos/Kiriman Wang/Draf Bank atau bayaran secara atas talian melalui Akaun Maybank 564016400646 atas nama Ketua Eksekutif PERKESO dengan nilai seperti yang tercatat di atas dan tidak akan dikembalikan. Bayaran secara tunai atau cek persendirian tidak akan diterima. Dokumen boleh diperolehi di alamat berikut:

Bahagian Perolehan, Tingkat 11, Menara PERKESO,
281 Jalan Ampang, 50538 Kuala Lumpur

Pejabat PERKESO Negeri Sarawak
Wisma PERKESO, Lot 436, Section 54, No. 52 Travillion Commercial Centre,
Jalan Padungan, 93100 Kuching, Sarawak

Bagi tujuan pembelian dokumen tender, tuan/puan dikehendaki membawa dokumen seperti yang dinyatakan di atas (asal dan salinan) yang masih dalam tempoh sah laku bagi kelayakan yang ditetapkan. Sila bawa surat perwakilan kuasa yang ditandatangani oleh penama yang diberi kuasa, jika penama tidak dapat hadir ke taklimat atau ketika pembelian dokumen.

Sebarang pertanyaan boleh disalurkan melalui emel enquirytender@perkeso.gov.my


Dokumen tawaran yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan dalam sampul surat yang dimeterikan dan ditulis di sebelah atas kiri nombor rujukan tender dan diserahkan tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tarikh yang dinyatakan di atas ke alamat berikut:-

Ketua Eksekutif

Pertubuhan Keselamatan Sosial, Bahagian Perolehan, Tingkat 11, Menara PERKESO, 281 Jalan Ampang, 50538 Kuala Lumpur

Dokumen tawaran tidak akan diterima selepas jam/tarikh tutup tender. PERKESO tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran tender yang terendah serta tidak bertanggungjawab memberi sebarang alasan atas penolakan tender dan keputusan adalah muktamad.

Diiklankan pada 15 Jun 2026


ROZULAZLI BINTI ZULKAFLI
Ketua Unit
Operasi Perolehan
Bahagian Perolehan
Pertubuhan Keselamatan Sosial